

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JMK 321 – Puisi Melayu Moden**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Berpandukan puisi berjudul “Kepada Sang Penunggu” oleh Anjanglie dan “Tanpa Nurani” oleh Darma Mohammad, tulis satu analisis tematik (Lampiran A).  
(25 markah)
  
2. Wanita lebih memahami persoalan kewanitaan. Puisi berjudul “Tangisan Puteri Hang Li Po” menjelaskan kenyataan tersebut. Bincangkan (Lampiran B).  
(25 markah)
  
3. Muhammad Hj. Salleh dianggap sebagai penyair intelektual Malaysia yang terkemuka. Berpandukan dua buah puisi beliau, buktikan kebenaran kenyataan tersebut (Lampiran C).  
(25 markah)
  
4. Siti Zainon Ismail merupakan seorang seniman dan budayawan Malaysia yang disegani. Puisi-puisinya memperlihatkan perkaitan antara beberapa cabang seni yang diceburi. Kenalpasti perkaitan tersebut dengan merujuk puisi pilihan (Lampiran D).  
(25 markah)
  
5. Nilai keindahan sesebuah puisi bergantung pada unsur bahasanya. Bincangkan (Lampiran E).  
(25 markah)
  
6. Berdasarkan puisi berjudul “Seruan” karya Baha Zain, bincangkan unsur falsafah yang dapat dikesan daripadanya (Lampiran F).  
(25 markah)

**Lampiran A**

**Anjanglie**

*Kepada Sang Penunggu*

Apa engkau kira ilmu hanya ada pada pensyarah,  
khatib di mimbar atau guru sekolah lantas membiarkan  
kekesalan terus menindih kerana tidak punya sebarang sijil,  
tanpa sempat berfikir bahawa setiap kita ada kelebihan!  
Sedang fikir itulah pelita ilmu dan cahayanya adalah hidayah  
yang harus engkau nantikan di detik sepertiga malam.  
Dalam malam engkau pintakan dari Tuhan maksud cerah.  
Dengan cerah, hati tidak lagi hitam dan engkau akan nampak  
kaki-kaki yang berjalan mencari ilmu mengenal diri mengenal Tuhan.  
Di kaki lima, kaki langit, kaki nisan dan di mana-mana pun  
pasti ada petunjuk bagi mereka yang berfikir.  
Hijrahlah, usah engkau berkiam di situ!

*Dewan Sastera*, Mac, 2004: 45  
Anjanglie

**Tanpa Nurani**

Kematian di depan mata. Di jalan. Daging tubuh  
dicaing besi dan api berselerak antara serpihan kaca  
dengan kerikil. Bertalu-talu kejadian rompak nyawa.  
Seakan tidak pernah muak penjenayah melahap ketulan  
daging di aspal dan darah di lantai. Tak ramai peduli  
kepada laung keamanan. Kepada tempik kesakitan.  
Mangsa dihukum membabi buta. Hati manusia kini  
mengeras. Mengering. Membatu. Manusia bertukar  
menjadi selonggok tubuh tanpa nurani. Ia kontang.  
Ia garing. Ia tergohong. Kemanusiaan pasti tak mampu  
berdiri tanpa akur kepada petunjuk Ilahi. Tanpa akur  
kepada kebenaran. Tanpa nurani manusia hanya  
selonggok tubuh kelontong.

*Dewan Sastera*, Februari, 2004: 49  
Darma Mohammad

**Lampiran B**

**Tangisan Puteri Hang Li Po**

Laksamana dan menteri bersiap sedia  
di lautan menanti lima ratus bahtera  
untuk mengarak Hang Li Po ke Melaka.

Di istana, di sebalik tirai dewangga  
Hang Li Po menangis di ribaan bonda  
sampainya hati ayahanda  
hendak menghantar hamba ke Melaka  
memisahkan aku daripada istana kesayangan  
memisahkan aku daripada taman permainan  
memisahkan aku daripada bonda tercinta  
bagai membongkar pohon daripada akarnya  
menceraikan badan dengan nyawa.

Tolonglah bonda merayalah pada ayahanda  
katakan kepada danya kalau aku dihantar juga  
relalah aku mati di tengah samudera  
relalah aku terkorban ditelan gelora  
daripada terseksa merindukan bonda.

Sungguh tergamak ayahanda  
tidakkah Li Po ini anaknya  
bukan barang dibuat hantaran  
bukan hadiah dibuat persembahan.

Bonda Hang Li Po, permaisuri China  
hatinya tertusuk sembilu bisa  
ibu mana tak akan menderita  
kalau berpisah dengan anaknya  
selebar samudera sejauh Melaka  
tak pasti bertemu semula  
biar bercerai badan dan nyawa  
daripada berpisah dengan anakanda.

Berkatalah dia dengan air mata  
Li Po sayang, intan permata  
bonda tahu kau ingin terus bermanja  
bukankah itu amat biasa  
untuk anak yang masih muda  
berasa bahagian dipeluk bonda  
berasa riang dibelai ayahanda  
tetapi Li Po kita bukan insan biasa  
kau puteri gahara aku permaisuri mulia  
demikian tersurat hidup kita

Bagi bonda  
tiada yang lebih daripada anakanda  
takkan bonda tukarkan dengan segala mutiara di lautan  
takkan bonda gantikan  
dengan segala emas di daratan  
tapi tidak demikian ayahanda  
dia lelaki apatah lagi Maharaja  
megah Maharaja atas gelaran  
lalu kau dijadikan tukaran  
untuk satu gelaran yang diidamkannya  
menjadi mertua Raja Melaka.

Apakan daya kita Li Po  
kerana kita wanita  
bernilai selagi diperguna  
dan, ayahandamu Maharaja  
tawa dan air matanya untuk negara  
politik lebih penting daripada keluarga  
kuasa lebih penting  
daripada bahagia.

*Salasilah*, 2005: DBP. 22 & 23  
Zurinah Hassan

**Lampiran C**

**mahoni tua**

mahoni tua, pingitan kota lama.  
separuh kurun dulu dideretkan anaknya di batu  
pinggir  
untuk sejuk tebal, dan hijau lindungnya.  
waktu menyerap kulit melalui serat,  
lurus, padat, seperti gadis,  
merah minyak dan matang alam  
sewaktu walikota baru dilantik  
maka tibalah pekerja,  
menunggang ringkik gergaji.  
terdengar retak batang  
geliat terakhir urat hidup  
dipadam oleh raung mesin  
yang mengaturkan urus tamadun  
dan senyum untung penjual-pencurinya.

*Watak Tenggara* 1993: 13  
Muhammad Haji Salleh

**renunghlah alam**

seulas nangka dimakan  
puasnya sepagi,  
sebutir bijaksana dihadam  
jadi makanan seketurunan.

makna diperas  
dari hampas waktu  
dikitar jadi  
bersih baru  
untuk guna hari ini  
dan esok.

renunghlah alam,  
yang berkata padat maksud.

*Sebutir Zamrud di Deru Selat*, 1942: 60  
Muhammad Haji Salleh

**Lampiran D**

**awan larat**

nenek mengatur hidup  
dengan peka yang tajam  
rumah bujang enam tiang  
membebaskan fikir  
bersama angin  
masuk dan keluar di celah  
siku keluang  
memanas malam dengan api sekam.

hujan diberhentikan dengan mentera  
awan ditenun merekah pintu  
keluknya melentur ke kiri  
ke kanan,  
jatuhlah bintang subuh  
petua padi subur di petak  
nenek pun menggubah  
mengukir tali air di pipi geluk  
melipat pucuk rebung kepala kain  
demikian petua dipintal.  
pahlawanku berhias cogan daun kopi  
wangi berembang pagi  
tanah air  
menggemakan bunyi.

*Puisi Putih Sang Kekasih, Sketsa 1975-82*  
Siti Zainon Ismail

**Lampiran E**

**Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir  
Sebuah Bandar Raya**

Beringin tua di pinggir jalan raya  
di sebuah ibu kota yang setengah muda  
ratusan tahun usianya berdiri  
menadah matari memayungi bumi  
burung-burung berterbangan menyanyi  
di sini rumah mereka, di sini keluarga bahagia  
kupu-kupu berkejaran dalam senda guraunya  
anak-anak bermain di keteduhan perdunya.

Tiba-tiba pagi yang hitam itu datang  
gergasi teknologi menyerangnya  
dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi  
sehingga terdengarlah jeritan ngeri  
suara Beringin rebah ke bumi.

Sampai sekarang, tiap senja kala lembayung petang  
dengarlah suara Beringin mengucapkan pesan:

Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan  
Selamat tinggal matari selamat tinggal bulan  
Selamat tinggal kupu-kupu sayang  
Selamat tinggal wahai burung bersarang  
Selamat tinggal anak-anak bermain riang

Namaku Beringin pohon tua yang terbuang  
dimusuhi oleh rancangan bernama Pembangunan.

*Salam Benua, 1979*  
Usman Awang

**Lampiran F**

**SERUAN**

Sewaktu azan itu berkumandang di dalam kesibukan pada tengah hari yang terang benderang, sebaris manusia yang sudah bersih bersedia menyerahkan segalanya demi Tuhan. Kereta menderu di sekeliling dan tukang-tukang belum berhenti menyelesaikan tempahannya, seolah-olah seruan itu untuk yang akan nazak hari ini, dan doa yang diangkat serta dipanjatkan dengan kedua belah telapak tangan menghadap ke depan (Tuhan di mana) adalah bagi yang lemah tak berdaya untuk berbisik-bisik kepada Yang Maha Esa.

Di sini kami sepi dan bukan tidak mengingatiMu. Kesepian ini, di kamar kerja ini jarang sekali teriring kebeningenan atau fikiran-fikiran yang bersih, jernih dan halus, kerana yang sering berkunjung adalah para tetamu yang terlalu kusut dengan urusan kehidupan, dan kita semua seolah-olah dibebani untuk menguruskan kemelut dunia dan manusianya.

Jalan Desa Ke Kota: 47  
Baha Zain

- oooOooo -